

08 NOV 1996

Mahathir-Deepavali

DR MAHATHIR MAHU RAKYAT HAPUSKAN SAKI-BAKI PREJUDIS

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat sentiasa berusaha secara bersungguh-sungguh untuk menghapuskan saki-baki syak-wasangka yang masih wujud di sesetengah kalangan penduduk negara ini.

Dalam perutusan Hari Deepavali yang dikeluarkan di sini hari ini, Perdana Menteri berkata tidak syak lagi keharmonian dan perpaduan kaum yang terdapat di negara ini telah membawa kestabilan dan kemajuan yang luar biasa.

Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang kini dalam lawatan ke Afrika barat, mengucapkan selamat menyambut Hari Deepavali kepada rakyat Malaysia beragama Hindu yang akan merayakannya Ahad ini.

Dr Mahathir berkata beliau berasa gembira kerana rakyat negara ini dapat merayakan hari keagamaan masing-masing dalam suasana aman, sempurna dan meriah.

"Inilah keadaan sebenar negara kita yang amat bertuah kerana mempunyai rakyat berbilang kaum dan agama yang begitu toleran antara satu sama lain," katanya.

Beliau berkata, keharmonian dan perpaduan kaum yang terdapat di negara ini sukar didapati di negara-negara lain yang juga mempunyai rakyat berbilang kaum, budaya dan agama.

Perdana menteri berkata kerajaan sedang berusaha untuk melahirkan satu bangsa yang mempunyai nilai-nilai hidup dan budaya yang positif.

Beliau pasti dengan sikap kesederhanaan dalam apa jua pegangan atau pendirian, rakyat dan negara akan terus mencapai kejayaan yang gemilang.

Dr Mahathir yakin sambutan Hari Deepavali, seperti juga sambutan hari-hari keagamaan lain, akan dapat merapatkan lagi perhubungan antara kaum di negara ini dan budaya kunjung-mengunjung pasti akan berterusan. --

BERNAMA

ARA NMO